

# Menggalas cabaran hidup di bandar besar

## Rakyat perlu bijak berbelanja elak terjerat budaya makanan segera

**P**enubuhan jawatankuasa khas untuk mengkaji kesan kenaikan kos sara hidup yang dihadapi rakyat negara ini, terutama yang tinggal di bandar besar sewajarnya diberi sokongan padu walaupun agak terlewat daripada waktunya. Pembabitan pemimpin tertinggi negara dalam menubuhkan jawatankuasa ini dilihat sebagai usaha serius bagi mengatasi masalah peningkatan kos sara hidup yang berlaku itu.

Ramai mengaitkan pelbagai faktor apabila menghujahkan kenaikan kos sara hidup ini antara lain disebabkan oleh faktor luaran. Penurunan harga petroleum yang berterusan boleh menggugat kestabilan ekonomi negara, namun agak sukar untuk mengawalinya disebabkan oleh ketentuan pasaran. Begitu juga dengan penurunan nilai ringgit berbanding mata wang asing yang tidak mudah dikawal melalui tindakan ekonomi dalaman.

### Belum dibukti secara saintifik

Kos sara hidup yang meningkat itu tidak lagi dibuktikan secara saintifik melalui data yang dikutip menggunakan kaedah dan dianalisis secara sistematik dan perbandingan dalam pelbagai bentuk, pola dan struktur. Misalnya bandar dan luar bandar; golongan profesional dan bukan profesional; pekerja swasta dan awam dan sebagainya. Semua ini tidak ditunjukkan dengan jelas melalui kajian menyeluruh serta perbandingan dalam tempoh tertentu misalnya satu dekad.

Kajian seumpama ini penting untuk menentukan penanda aras melalui petunjuk yang dibina dan dapat ditentukan indeks kos sara hidup warga-negara berbanding indeks kualiti hidup penduduk secara menyeluruh.

Kos sara hidup terbahagi kepada dua kategori utama. Pertama adalah kos sara hidup harian iaitu kos perbelanjaan harian yang meningkat dan menurun setiap hari bergantung kepada harga barangan - misalnya harga barangan dapur serta keperluan harian. Kos tetap setiap bulan misalnya harga sewaan atau ansuran rumah, ansuran kenderaan di samping bil bulanan elektrik, air, telefon, perkhidmatan televisyen berbayar dan sebagainya.

Kedua adalah kos sara hidup bermusim (berkaitan dengan kemasukan anak ke sekolah; musim perayaan tertentu; musim kenduri dan perkahwinan). Kos kedua ini kadangkala dilihat membebankan apabila anak akan memasuki era persekolahan, terutama ibu bapa berpendapatan rendah untuk menyara anak ramai.

Begitu juga kos mengadakan kenduri perkahwinan yang meningkat setiap tahun daripada jumlah wang hantaran

hinggalah kepada menguruskan hal ehwal pernikahan. Semua ini wajar dipisahkan daripada pengurusan kos sara hidup yang pertama tadi.

Menjalani kehidupan di bandar yang segalanya perlukan wang yang banyak, berlakunya proses pembentukan ruang bandar yang menggambarkan pelbagai transformasi dan transisi sedang berlaku, iaitu transformasi kuasa, pandang dunia (worldview), penggerak dan pengguna yang berubah secara serentak dan beriringan.

### Makanan segera

Restoran makanan segera seumpamanya bukan sahaja menyediakan makanan tetapi juga menyokong gaya hidup - makanan segera dan budaya kepenggunaan dan produksi massa homogeni yang menyeret warga kita berbelanja melebihi pendapatan.

Ada dua perspektif yang mendasari isu yang diketengahkan ini. Perspektif pertama yang disebut sebagai perubahan dari atas (authority defined) atau perubahan dari bawah (every-day defined). Perspektif pertama menjurus kepada pandangan pihak berwajib dan menyatakan ada kewajaran membenarkan peningkatan harga barangan di pasaran disebabkan peningkatan kos pengurusan dan kos operasi sesebuah syarikat.

Kenaikan harga barangan utama diberi kelulusan misalnya harga petroleum yang menyebabkan pula kenaikan harga barangan lain. Kesan rangkaian ini terus berlaku.

Perspektif kedua ialah perubahan dari bawah yang dilakukan pelbagai peringkat dan lapisan masyarakat mengikut kepentingan masing-masing. Perspektif ini lebih menghampiri keadaan sebenar masyarakat apabila kelompok masyarakat itu merasai perubahan kesan kenaikan harga barangan di pasaran.

Perubahan ini boleh membawa kepada kehidupan lebih beretika melalui budaya kepenggunaan lestari sifatnya iaitu dalam keadaan tertentu terpaksa 'mengikat perut' untuk memastikan survival seterusnya. Adalah wajar untuk membezakan di antara 'keperluan dan kehendak' yang kedua-duanya ini mampu memberikan jalan untuk membina budaya kepenggunaan yang beretika dan berhemah. Peranan NGO, wakil masyarakat dan komuniti setempat termasuk pesara amat dialu-alukan di dalam memberikan pandangan melalui perspektif ini.



### Penulis

ialah Profesor Madya/Felo Kanan & Ketua Hal Ehwal Jaringan dan Industri (HEJIM), Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), UKM



DR SHAHARUDIN  
IDRUS